

Empangan Klau dilulus demi rakyat

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

PUTRAJAYA 6 Feb. – Projek Empangan Klau di Raub, Pahang telah menjalani Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan diluluskan oleh kerajaan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

Beliau berkata, EIA dalam laporannya telah menimbang kesan baik dan buruk daripada pembinaan empangan tersebut sebelum keputusan mengenyainya dibuat.

“Saya percaya kerajaan telah buat pertimbangan dan kajian secukupnya demi kebaikan yang lebih besar untuk menjaga kepentingan rakyat,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan lapan agensi termasuk Lim Ah Soon Bhd. dan Projek Lebuh Raya Utara Selatan Bhd. (PLUS) serta pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 yang melibatkan 13 buah makmal di FRIM.

Azmi berkata demikian ketika diminta mengulas laporan mengenai kebimbangan beberapa pihak termasuk penduduk Orang Asli, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang

Saya percaya kerajaan telah buat pertimbangan dan kajian secukupnya demi kebaikan yang lebih besar untuk menjaga kepentingan rakyat

AZMI KHALID
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar

khuatir Hutan Simpan Lakum akan pupus ekoran pembinaan Empangan Klau.

Empangan bernilai RM3.8 bilion itu bakal memberi laluan kepada pembinaan terowong air sepanjang 45 kilometer merentasi Banjaran Titiwangsa dari Pahang ke Selangor yang dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Azmi mengakui projek pembinaan Empangan Klau itu bakal menenggelamkan kawasan seluas 2,315 hektar termasuk 1,057 hektar atau 16 peratus Hutan Simpan Lakum serta penempatan 326 keluarga peneroka Felda dan Orang Asli.

Ditanya sama ada kerajaan akan membuat kajian semula berhubung pembinaan empangan itu bagi mengekalkan biodiversiti di kawasan hutan simpan itu beliau berkata, ia di luar bidang kuasanya.

“Saya ingin jelaskan, kawasan air terjun Lata Berembun seperti yang dilaporkan dalam akhbar hari ini ti-

dak termasuk dalam kawasan ini, ia terletak di Hutan Simpan Gunung Benum,” jelas beliau.

Ditanya tindakan proaktif yang akan diambil oleh kerajaan bagi melindungi ancaman kepupusan hidupan liar, reptilia dan spesies burung, beliau berkata, perkara itu telah ditimbang.

“Memang dalam hutan banyak kesan-kesan alam sekitar, EIA sudah buat kajian dan kita tak boleh elak kemusnahan beberapa jenis flora dan fauna kerana lebih banyak kebaikan pembinaannya berbanding kemusnahan yang bakal berlaku,” katanya.

Projek penyaluran air dan kerja pembinaan fizikal terowong itu dijadualkan bermula awal tahun depan dan akan mengambil masa lima tahun untuk disiapkan.

Apabila empangan itu siap kelak bekalan air mentah dapat disalurkan secara berterusan ke Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menjelang 2010.



AZMI Khalid (tengah) menyaksikan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abdul Razak Mohd Ali (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Plus Berhad, Nik Arina Nik Jaafar (kanan) bertukar-tukar dokumen perjanjian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara FRIM dan agensi swasta di Putrajaya, semalam.